

NAMA :

TARIKH :

KELAS :

LATIHAN TATABAHASA : KATA SENDI NAMA

Lengkapkan petikan di bawah. Seretkan jawapan yang betul.
(Drag & Drop)

daripada

di

ke

sejak

kepada

oleh

pada

tentang

Amira mengambil senaskhah majalah kanak-kanak di rak buku untuk dibaca. Dia memang gemar membaca pelbagai jenis bahan bacaan _____ masa lapang. Minat membaca sudah lama dipupuk _____ keluarganya _____ dia masih kecil lagi sehingga menjadi kebiasaan. Ibu dan ayahnya juga menyediakan sebuah perpustakaan mini _____ rumah.

Pada setiap bulan, Amira dan adik-beradiknya dibawa _____ kedai buku untuk membeli buku-buku kegemaran mereka. Dia sedar bahawa aktiviti membaca buku lebih baik _____ membuang masa dengan sia-sia. Dia mendapat ilmu pengetahuan _____ pelbagai perkara melalui pembacaan. Sikap ibu bapanya yang gemar membaca juga menjadi contoh yang terbaik _____ Amira dan adik-beradiknya.

